



## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya telah menerima surat pemakluman yang ditandatangani YAB Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis, memaklumkan bahawa pihak Kerajaan memutuskan **Majlis Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14** yang sepatutnya bermula pada **Isnin, 9 Mac 2020 DITUNDA** kepada **Isnin, 18 Mei 2020 bersamaan 25 Ramadan 1441H**.

2. YAB Perdana Menteri turut memaklumkan bahawa **Takwim Persidangan Dewan Rakyat Bagi Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 Tahun 2020 yang baru** adalah seperti berikut:

### Mesyuarat Pertama

**Dewan Rakyat (mulai 18 Mei hingga 23 Jun 2020 – 15 hari)**

- *Istiadat Pembukaan Parlimen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Isnin 18 Mei 2020, jam 10.00 pagi*
- ❖ *Tidak Bersidang Selasa 26 hingga Khamis 28 Mei 2020 (Hari Raya Aidilfitri pada 24 - 25 Mei 2020 & Perayaan Hari Gawai pada 1 & 2 Jun 2020)*
- ❖ *Tidak Bersidang Isnin 8 Jun 2020 (Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong)*

### Mesyuarat Kedua

**Dewan Rakyat (mulai 27 Julai hingga 27 Ogos 2020 – 17 hari)**

- *Pembentangan Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) pada Khamis, 6 Ogos 2020*
- ❖ *Tidak Bersidang Khamis 30 Julai 2020 (Hari Raya Qurban pada 31 Julai 2020)*
- ❖ *Tidak Bersidang Rabu 19 Ogos & Khamis 20 Ogos 2020 (Awal Muharam)*

### Mesyuarat Ketiga

**Dewan Rakyat (mulai 28 September hingga 26 November 2020 – 36 hari)**

- *Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (Belanjawan) 2021 oleh YB Menteri Kewangan pada Jumaat 2 Oktober 2020, jam 4.00 petang*
- ❖ *Tidak Bersidang Khamis 29 Oktober 2020 (Maulidul Rasul)*

3. Sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat saya mendapati ketetapan tarikh-tarikh mesyuarat ini adalah selaras dengan **Peraturan 11(2)** Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Justeru itu, Setiausaha Dewan Rakyat, YBrs. Tuan Riduan Rahmat akan menyusul dengan mengeluarkan **Notis Panggilan Mesyuarat** kepada semua Ahli-Ahli Dewan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**

4hb. Mac 2020